

03 AUG 1998

Abdullah-Djibouti

DJIBOUTI SEDIA JADI PINTU MASUK BAGI PASARAN KE AFRIKA TIMUR

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Djibouti menawarkan kepada Malaysia untuk menggunakan negara Afrika itu sebagai pintu masuk bagi pasaran Afrika Timur yang mempunyai kira-kira 130 juta penduduk, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Ketika memberi taklimat selepas mesyuarat delegasi antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Djibouti Hassan Gouled Aptidon di sini, Abdullah berkata Djibouti menyifatkan langkah ini sebagai cara untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan dua hala.

"Malaysia akan menghantar delegasi peringkat menteri ke negara itu untuk meninjau lebih dekat tentang perkara ini dan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di sana," kata beliau.

Abdullah berkata Menteri Pengangkutan serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan ke Djibouti untuk tujuan berkenaan memandangkan perbincangan hari ini membabitkan cuma peluang-peluang dalam kedua-dua sektor.

Djibouti ialah bekas tanah jajahan Perancis dengan keluasan 22,000 km persegi dan mempunyai kira-kira 434,000 penduduk. Ia terletak di sebelah timur benua Afrika dikenali sebagai "Horn of Africa". Ia mempunyai sempadan bersama dengan Somalia, Habsyah dan Eritrea.

Presiden Aptidon tiba di sini semalam untuk lawatan negara selama sembilan hari untuk memperkukuhkan hubungan dua hala.

Abdullah berkata Aptidon menyatakan kesediaan Djibouti menawarkan pelbagai insentif kepada pelabur Malaysia dalam industri petroleum, telekomunikasi, perbankan dan industri ringan.

Djibouti telah meminta Malaysia membantu negara itu menubuhkan kawasan perdagangan bebas bagi membangunkan ekonominya, kata beliau.

Menurut Abdullah, Djibouti juga mahu Malaysia membantunya memoden dan membangunkan pelbagai sektornya seperti infrastruktur, pertanian, penjana tenaga, pelabuhan dan perkhidmatan lapangan terbang.

Djibouti juga mahukan Malaysia menyertai dalam pembangunan ekonominya terutama membangunkan pelabuhan.

Abdullah berkata Dr Mahathir telah menawarkan program latihan berkaitan ekonomi kepada Djibouti terutama dalam sektor pengurusan dan pengendalian pelabuhan.

Beliau berkata, buat masa ini, sembilan pelajar dari republik itu melanjutkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Petaling Jaya, dekat sini.

Sementara itu, Malaysia dan Djibouti menandatangani Perjanjian mengenai Promosi dan Pelindungan Pelaburan dan Perjanjian mengenai Kerjasama Ekonomi, Sainifik, Teknikal dan Kebudayaan.

Malaysia diwakili oleh Abdullah dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz sementara Djibouti diwaklilil Menteri Perdagangan dan Industri Mohamed Barkat Abdillahi.

-- BERNAMA

RV FAZ